

# Mahathir hampir temui idolanya

UM 14 APR 2005

Daripada SYAHRIL A. KADIR

**M**EDAN 13 April — Mahathir Mohamad, anak yatim yang menjadi mangsa gempa bumi di Pulau Nias tiba di sini semalam dengan hanya membawa sehelai seluar panjang, dua helai baju lusuh dan sepasang selipar yang dipinjam daripada kawannya.

Pun begitu dia membawa harapan yang sangat besar, bukan hanya untuk memenuhi impian untuk bertemu idolanya, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, tetapi juga menyampaikan hasrat rakan-rakannya yang mahu kan pemimpin tersebut membantu memperbaiki kesengsaraan yang mereka tanggung selama ini.

Namun beliau sedar, dia hanyalah anak yatim piatu berusia sembilan tahun yang tidak mengerti apa-apa selain daripada mengharap kan kasih sayang dan keinginan untuk bersekolah sama seperti insan sebayanya yang lain.

Kini Mahathir sudah tidak sabar-sabar lagi untuk ke Kuala Lumpur sekali gus bertemu dan bersalaman dengan idolanya yang juga bekas Perdana Menteri itu.

Dia yang tiba dari Pulau Nias dengan penerbangan khas C-160 hasil kerja sama Palang Merah Indonesia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSM) kini hanya menghitung detik dan ketikanya untuk terbang ke Malaysia sekali gus mencapai cita-citanya selama ini.

Mahathir yang diiringi ketua rumah anak yatim itu, Yorhaman Harafei sepatutnya sudah berada di ibu negara semalam tetapi disebabkan urusan dokumentasi yang belum selesai, penerbangan mereka yang ditaja oleh Penerbangan Malaysia terpaksa ditangguhkan sehingga ke petang esok.

Difahamkan, stesen televisyen TV3 akan mengadakan lintas langsung sejurus selepas ketibaan mereka berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) esok selain menyiarkan kisah anak malang ini dalam segmen Wanita Hari Ini pada hari yang sama.

Sementara itu, wartawan *Utusan Malaysia* yang baru tiba hari ini dari Pulau Nias mengambil kesempatan waktu yang terluang dengan

membawa Mahathir membeli-belah di pusat membeli-belah terkenal Sun Plaza dan Medan Mall di sini.

Selain kasut dan pakaian baru, Mahathir turut dibawa bergunting rambut di salah sebuah salon terkenal di bandar ini.

Mahathir yang langsung tidak menyangka akan mendapat layanan kelas pertama daripada *Utusan Malaysia* dilihat agak terharu ketika mencuba pakaian baru yang dibelikan khas untuknya.

“Saya enggak (tidak) tahu apa lagi hendak dikatakan, terima kasih buat semua tetapi beli baju Melayu sahaja sudah mencukupi.

“Ini kerana baju yang saya miliki sekarang ini sudah cukup kotor untuk dibawa bersolat,” katanya.

Kisah anak yatim yang berusia sembilan tahun itu pernah dipaparkan oleh *Utusan Malaysia* dalam

siri laporan pasca gempa buminya baru-baru ini.

Sementara itu *Utusan Malaysia* yang mengusahakan kedatangan kanak-kanak itu ke sini telah melakukan pelbagai persiapan bagi membolehkan misi 2M, iaitu pertemuannya dengan Tun Dr. Mahathir menjadi kenyataan.

Namun bak kata pengiring dan penjaganya, Yorhaman, tidak perlulah dibuat semua itu kerana membawanya berjumpa sendiri dengan tokoh besar dari Malaysia itu sudah cukup memadai bagi kanak-kanak itu.

Betullah kata orang, doa anak yatim ini lebih mudah sampai kepadaNya, dan kini terbukti doa anak yang tidak beribu dan berayah ini telah dimakbulkan, ujarnya. — *Utusan*